

19 JUN 2001

Mahathir-Huaren

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU SEBARANG KONTROVERSI MENGENAI ISU NANYANG PRESS

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak mahu sebarang kontroversi tercetus daripada pembelian Nanyang Press Holdings Bhd oleh Huaren Management Sdn Bhd.

Huaren Management adalah sebuah unit Huaren Holdings Sdn Bhd, manakala Huaren Holdings pula merupakan sayap pelaburan Pertubuhan Cina Malaysia (MCA).

Dr Mahathir, yang ditemui pemberita selepas mesyuarat pra-perhimpunan UMNO di sini, telah ditanya tentang pendapatnya mengenai kontroversi yang menyelubungi pengambilalihan Nanyang Press oleh Huaren Management berikutan pertemuannya dengan Tan Sri Lim Guan Teik, presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM), pagi tadi.

Sebuah konsortium yang diketuai oleh Lim telah mengumumkan rancangan untuk mengambil alih Nanyang Press daripada Huaren, Jumaat lalu.

Dr Mahathir berkata, beliau telah menyerahkan perkara itu kepada Lim.

Menyentuh tentang apa yang telah beliau cadangkan kepada Lim, Perdana Menteri berkata, "Saya tidak mahu sebarang kontroversi. Mereka perlu mencari jalan untuk menghapuskan kontroversi ini. Ia tidak perlu."

Terdahulu, Lim enggan mengulas tentang cadangan pembelian oleh konsortium itu.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat berkata, tawaran oleh konsortium itu boleh mengendurkan ketegangan dalam parti.

Ketika mengulas perkara itu, Naib Presiden MCA Datuk Chan Kong Choy berkata, hakikat bahawa ahli-ahli konsortium itu telah membuat tawaran tersebut dalam tempoh yang singkat memperlihatkan bantahan keras mereka terhadap urus niaga itu.

Konsortium berkenaan membuat tawaran untuk membeli saham-saham Nanyang daripada Huaren pada harga kira-kira RM234.309 juta atau RM5.60 sesaham, iaitu 10 sen lebih tinggi daripada harga yang dibayar oleh Huaren bagi setiap saham.

Chan yang juga Timbalan Menteri Kewangan berkata, tawaran itu mencerminkan bantahan mereka terhadap pengambilalihan Nanyang, yang mempunyai sejarah selama 78 tahun, bukan sahaja oleh MCA tetapi juga oleh mana-mana parti politik.

-- BERNAMA

SHO SHY KY OS FAZ